

20/10/2003

Mesyuarat tentukan nasib Apec

Hishamuddin Aun; Khaidir Abdul Majid; Zainab Mohd Yatim

BANGKOK: Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) sampai kemuncaknya hari ini dengan mesyuarat peringkat pemimpin bermula di Government House (kompleks pejabat Perdana Menteri Thailand), di sini.

Daripada laporan akhbar dan kenyataan beberapa wakil negara, mesyuarat pemimpin Apec ke-11, yang juga terakhir bagi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka hangat dan mungkin menentukan hala tuju atau mungkin nasib forum perdagangan yang mengumpulkan 21 negara itu.

Amerika Syarikat (AS) awal-awal lagi sudah mengisytiharkan bahawa ia mahu meletakkan keselamatan atau lebih tepat lagi 'Perang Terhadap Keganasan' sebagai agenda utama forum perdagangan terbesar Asia Pasifik.

Presiden George W Bush yang tiba di sini malam kelmarin dalam kawalan ketat sehingga penganjur merahsiakan tempat penginapannya dilaporkan akan mengumumkan pakej menyeluruh yang akan mendesak negara anggota Apec membuat lebih daripada menyuarakan komitmen politik untuk memerangi keganasan.

AS dijangka menggesa negara di rantau ini mengambil tindakan tertentu untuk membendung bekalan bebas senjata seperti peluru berpandu bumi ke udara dan bahan membuat bom.

Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Colin Powell, mengesahkan laporan itu kelmarin dengan berkata, negaranya mahu melihat sidang kemuncak Apec membincangkan agenda lebih luas, memberi perhatian kepada isu keselamatan, selari dengan isu perdagangan dan pelaburan.

Namun, beberapa negara termasuk Malaysia mungkin tidak mahu mesyuarat pemimpin Apec menyimpang terlalu jauh daripada tujuan asal penubuhan forum itu pada 1989 iaitu untuk menggalakkan perdagangan dan pelaburan di rantau Asia Pasifik.

Pada mesyuarat peringkat menteri Apec yang berakhir kelmarin dan peringkat pegawai kanan (SOM) sebelumnya, isu keselamatan dibangkitkan.

Malah, AS mencadangkan Apec mengambil langkah spesifik memerangi keganasan, seperti mengharamkan pengeluaran, penjualan dan pengedaran senjata seperti Manpads (Sistem Pertahanan Udara Bergerak) di rantau ini.

Bagaimanapun, setakat ini AS belum berjaya meyakinkan negara anggota lain membuat lebih daripada 'menyuarakan komitmen politik' untuk mengambil usaha pada peringkat domestik masing-masing.

Kenyataan Apec yang dikeluarkan selepas mesyuarat peringkat menteri tidak menyatakan sebarang Pelan Tindakan ke arah mencapai hasrat AS untuk mengharamkan senjata Man-pads di rantau ini.

Namun, pada peringkat pemimpin, isu berkenaan dijangka dibangkitkan lagi oleh Bush yang mahu Apec membuat lebih daripada memberi 'komitmen politik' memerangi keganasan.

Sikap sedemikian membimbangkan sesetengah pihak dalam Apec. Mereka berpendapat Apec tidak seharusnya berubah wajah menjadi forum keselamatan.

Apec boleh membincangkan isu berkenaan tetapi dalam konteks menjamin keselamatan perdagangan dan melihat isu itu secara menyeluruh.

Tindakan khusus seperti pengharaman senjata harus diserahkan kepada forum lain yang khusus ditubuhkan untuk membincang isu keselamatan.

Bagi mesyuarat Apec, soal yang tidak berkaitan dengan perdagangan dan pelaburan memang tidak dapat dielakkan daripada perbincangan, lebih-lebih lagi jika ia menjadi agenda AS.

Namun, bagi negara yang tidak setuju dengannya, sekalipun AS berjaya memuatkan soal seperti pengharaman senjata dalam deklarasi Bangkok 2003

yang akan dikeluarkan mesyuarat pemimpin esok, ia bukan sesuatu yang perlu dikhuatirkan sangat.

Ini kerana deklarasi Apec membawa `rider', pelaksanaan keputusan forum itu adalah atas usaha terbaik anggota dan dilaksana secara sukarela serta tidak mengikat. Ini bermakna anggota Apec tidak akan dihukum jika tidak melaksanakannya.